



PELAN ANTIRASUAH MAIS 2024-2026



DISEDIAKAN OLEH:
UNIT INTEGRITI
SEKTOR AUDIT DALAM & INTEGRITI
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

AMANAT PENGGERUSI MAIS

بِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T di atas limpah kurnianya dan keizinannya, Majlis Agama Islam Selangor telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026. Pelan yang dibangunkan oleh MAIS merupakan bukti kepada komitmen MAIS memastikan pentadbiran agama Islam Selangor sentiasa berintegriti dan bebas dari sebarang gejala rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan tuntutan palsu yang boleh memberikan reputasi dan prestasi yang buruk kepada MAIS.

Perkara ini bertitik tolak daripada pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019 yang mana ianya memperlihatkan ketegasan dan komitmen kerajaan untuk memerangi rasuah dan salah guna kuasa. Lantas, MAIS menyahut seruan dan hasrat kerajaan tersebut dengan membangunkan Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026.

Pelan ini akan menjadi rujukan strategik, komprehensif dan menyeluruh yang mana ianya telah mengambil kira risiko-risiko kelemahan dalam aspek tadbir urus, integriti dan rasuah di MAIS secara keseluruhan termasuk jabatan yang menjalankan fungsi. Saya yakin pelan ini apabila diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan akan memberi impak positif kepada penyampaian perkhidmatan MAIS khususnya kepada masyarakat Islam di Selangor dan semua pemegang taruh yang berkepentingan sekaligus mampu merealisasikan visi dan misi MAIS serta pelan Strategik MAIS dalam menjadi Institusi Pentadbiran Islam Yang Maju, Inovatif, Dan Integriti.

MAIS komited untuk melaksanakan dengan jayanya semua inisiatif yang dinyatakan dalam pelan ini dan akan mengenal pasti sebarang penambahbaikan dari semasa ke semasa. Saya percaya semua warga MAIS akan memberi kerjasama dan sokongan penuh bagi pelaksanaan Pelan Antirasuah MAIS yang mana mampu memberi impak positif kepada MAIS dan menjadikan MAIS Institusi Pentadbiran Islam Yang Maju, Inovatif, Dan Integriti. Selain itu, ianya akan menaikkan imej dan meningkatkan keyakinan terhadap umat Islam di Selangor terhadap sistem penyampaian perkhidmatan MAIS yang lebih baik dan berkesan.

Ucapan tahniah dan penghargaan kepada kepada semua pihak yang terlibat atas usaha gigih dan proaktif yang disumbangkan dalam membangunkan pelan ini. Saya percaya melalui Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026 ini, visi dan misi serta Pelan Startegik MAIS dapat direalisasikan dengan berpaksikan prinsip integriti dan tadbir urus yang baik, seterusnya Memajukan Sosial Dan Ekonomi Umat Islam Di Selangor.



TERIMA KASIH!

KOMITMENT PENGURUSAN TERTINGGI MAIS

بِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

syabas!



Alhamdulillah, pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T di atas limpah kurnianya dan keizinannya Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026 dapat dibangunkan. Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026 merupakan satu dasar antirasuah yang mencerminkan komitmen dan kesungguhan pentadbiran MAIS untuk mewujudkan persekitaran organisasi yang berintegriti dan bebas dari gejala rasuah serta mempunyai tadbir urus yang baik.

Melalui Strategi 2, Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, di bawah perkara 2.1.5, telah mewajibkan sektor perkhidmatan awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dalam tempoh lima tahun sebagai langkah untuk meningkatkan dan mensejahterakan perkhidmatan awam yang akan dapat memberi impak positif dan kesan baik kepada rakyat secara keseluruhan melalui penambahbaikan kualiti penyampaian perkhidmatan oleh sektor perkhidmatan awam dan swasta.

Komitmen MAIS dalam membangunkan pelan ini merupakan satu tanda bahawa MAIS bersungguh untuk menyahut segala seruan dan hasrat kerajaan dalam membangunkan organisasi dan persekitaran pentadbiran yang bersih dan bebas rasuah. Proses penggubalan dan pembangunan pelan ini telah melalui sesi libat urus yang meliputi semua sektor dan bahagian di MAIS serta Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor. Sektor Audit Dalam dan Integriti telah menyelaraskan dan menyediakan Pelan Antirasuah MAIS dengan mengambil kira input yang telah diterima melalui pelbagai pihak. Mesyuarat Jawatankuasa Audit telah dibentangkan dan menilai pelan anti rasuah MAIS sebelum diangkat untuk kelulusan kepada Mesyuarat MAIS.

Pelan Antirasuah ini telah berjaya mengenal pasti risiko-risiko yang wujud dalam organisasi yang melibatkan isu dan kelemahan dalam aspek integriti, governan dan antirasuah yang tentunya memerlukan tindakan dan perancangan yang tuntas oleh organisasi. Pelan ini menggunakan data-data dan statistik sedia ada berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara, Laporan SPRM, Laporan Audit Dalam, Laporan Tatatertib dan Aduan Organisasi. Pentadbiran MAIS selaku tunjang utama dalam urusan pentadbiran agama Islam di Selangor berjanji dan komited untuk memastikan semua 61 risiko yang dikenal pasti dapat ditangani melalui 39 inisiatif yang telah digariskan dalam pelan ini. Pemantauan dan penilaian bagi pencapaian dan kemajuan setiap inisiatif akan dilaksanakan dan dipantau oleh Jawatankuasa Audit MAIS.

Sekarang tiba masanya untuk kita warga MAIS bersama-sama menggembleng seluruh kekuatan yang ada bagi merealisasikan pelan ini dalam bentuk pelaksanaan agar akhirnya visi, misi dan matlamat Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026 berjaya dicapai. Kami percaya integriti akan terus menjadi budaya dan pegangan seluruh warga MAIS dan Pentadbiran Islam di Selangor.



UNIT INTEGRITI,
SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
Tingkat 5, Kompleks MAIS Klang,
Lot 336, Jalan Meru Off Jalan Kapar
41050 Klang Selangor Darul Ehsan

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa-apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada MAIS adalah tidak dibenarkan sama sekali.

“Saya percaya pelan yang dibangunkan ini dapat memastikan tadbir urus yang baik, integriti, bebas rasuah menjadi amalan dan budaya pentadbiran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) seterusnya meningkatkan mutu perkhidmatan dan reputasi MAIS”

YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof
Pengerusi MAIS

FIRMAN Allah S.W.T:

“Dan janganlah sebahagian daripada kalian memakan (atau mengambil) harta (sebahagian orang lain) antara kalian dengan jalan yang batil (salah dan haram), dan janganlah pula kalian menghulurkan harta kalian (memberi rasuah) kepada pihak yang mengendalikan hukuman (pemerintah yang berkuasa dan para hakim), supaya kalian dapat memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kalian mengetahui (akan salahnya perbuatan itu).”

(Surah al-Baqarah: 188)

Hadis Rasulullah S.A.W melalui sabdanya, maksudnya:
“Rasulullah SAW telah melaknat (mengutuk) pemberi rasuah dan penerima rasuah.”

(Riwayat Abu Dawud 3580, al-Tirmizi 1337 dan lain-lain)

“Beta mengingatkan sekali lagi bahawa Beta tidak mahu mendengar sebarang laporan tentang penglibatan mana-mana pegawai kerajaan dan pemimpin politik Negeri Beta di dalam amalan rasuah ini,”

Titah baginda sewaktu Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Negeri Selangor yang Ke-14 Tahun 2021, di sini pada Isnin.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019. Melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No.1 Tahun 2018 berkaitan Pemantapan Governan, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia

Justeru itu, MAIS telah membangunkan Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026 yang akan menjadi dokumen utama dan panduan kepada organisasi mengenai tindakan dan langkah yang menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa dalam organisasi.

Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026 menggariskan **VISI** meneraju institusi pentadbiran agama Islam yang maju, inovatif dan integriti, **MISI** : memacu pentadbiran agama Islam yang mampan melalui perancangan dan pemantauan yang telus, berintegriti dan berakauntabiliti demi memajukan sosial dan ekonomi umat Islam di Selangor dan **matlamat** : warga kerja MAIS, Agensi Dan Anak Syarikat menjalankan tanggungjawab dan amanah dalam mencapai visi dan misi MAIS dengan telus, berintegriti dan berakauntabiliti.

BAB 1

Merangkumi latar belakang MAIS merangkumi visi, misi, pelan strategik, carta organisasi MAIS. Analisis terhadap data-data dan statistik sedia ada berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara, Laporan SPRM, Laporan Audit Dalam, Laporan Tatatertib dan Aduan Organisasi dilaksanakan bagi mengenalpasti keadaan keterlibatan warga MAIS terhadap gejala Rasuah dan Integriti.

BAB 2

Bagi membangunkan sebuah pelan antirasuah yang komprehensif dan mantap, MAIS telah menentukan senario masa hadapan yang relevan dengan mengenalpasti matlamat strategik MAIS. MAIS juga menggariskan skop risiko kepada lima (5) bidang keutamaan yang merangkumi pengurusan dan pentadbiran, hartanah dan projek, perolehan, sumbangan dan agihan dan pengurusan baitulmal

BAB 3

Menghuraikan lima (5) bidang keutamaan yang dikenal pasti merangkumi 14 strategik dan 14 Objektif strategik bersama 39 inisiatif yang akan dilaksanakan bagi tempoh tiga (3) tahun.

BAB 4

Menjelaskan mengenai tadbir urus serta mekanisme pemantauan dan penilaian oleh organisasi terhadap pencapaian pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026 oleh bahagian peneraju. Mekanisme ini penting bagi memantau kemajuan dan menilai pelaksanaan inisiatif yang digariskan serta mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Selain itu, mekanisme ini berupaya untuk mengenal pasti ruang dan jurang dalam pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026. Ini bagi memastikan supaya setiap perancangan yang dibuat dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Semua pihak bertanggungjawab untuk memberi komitmen dan kerjasama penuh dalam merealisasikan visi, misi dan matlamat Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026.

BAB 5

Menggambarkan komitmen MAIS secara keseluruhan dalam melaksanakan semua 39 inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Antirasuah MAIS 2024-2026 dengan jayanya dan pelan yang telah digubal ini akan menjadi rujukan dan panduan strategik dalam aspek pengukuhan tadbir urus, integriti dan antirasuah di MAIS.

SINGKATAN

Agensi	:	Merujuk kepada lembaga Zakat Selangor dan Perbadanan Wakaf Selangor
Anak syarikat	:	Merujuk kepada anak syarikat MAIS termasuk Universiti Islam Selangor, Bakti Suci Holdings Sdn Bhd, Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd, Yayasan Islam Darul Ehsan
BBP	:	Bahagian Belanjawan dan Perolehan
BDP	:	Bahagian Dakwah dan Pemasaran
BHB	:	Bahagian Harta Baitulmal
BKK	:	Bahagian Komunikasi Korporat
BKSU	:	Bahagian Kesetiausahaan
BPAR	:	Bahagian Pemulihan Ar-Riqab
BPE	:	Bahagian Perancangan Ekonomi
BPH	:	Bahagian Pengurusan Hartanah
BPI JAIS	:	Bahagian Pendidikan Islam JAIS
BPM JAIS	:	Bahagian Pengurusan Masjid JAIS
BPM PPIBK	:	Bahagian Pengurusan Muallaf & Pembangunan PIBK
BPP	:	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
BPSM	:	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
BRP	:	Bahagian Risiko Dan Pematuhan
BTUK	:	Bahagian Tadbir Urus Korporat
BTM	:	Bahagian Teknologi Maklumat
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	:	Merujuk kepada JAIS, JAKESS, JPSS, Jabatan Mufti

SINGKATAN

JAIS	:	Jabatan Agama Islam Selangor
PARMAIS	:	Pelan Antirasuah MAIS
SAI	:	Sektor Audit Dalam Dan Integriti
UI	:	Unit Integriti di bawah Sektor Audit Dalam Dan Integriti

Kandungan

Bil	Perkara	M/S
BAB 1	PENGENALAN	
1.1	Latar Belakang MAIS	1
1.2	Kewajipan MAIS	1
1.3	Fungsi MAIS	1
1.4	Kuasa-Kuasa MAIS Menurut Enakmen	2
1.5	Carta Pentadbiran Agama Islam Selangor	3
1.6-1.8	Visi, Misi Dan Nilai Murni MAIS	4
1.9	Strategik MAIS	5
1.10	Carta Organisasi Pentadbiran MAIS	6
1.11	Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah MAIS	7
	Fungsi MAIS Yang Dilaksanakan Oleh Jabatan Hal Ehwal Selangor	8
	Agensi Dan Anak Syarikat Yang Ditubuhkan Di Bawah Majlis Agama Islam Selangor	8
	Pembangunan Fungsi Integriti Di MAIS	9
	Statistik Aduan	10-16
1.12	Penilaian Risiko Rasuah	16-20
BAB 2	SENARIO MASA HADAPAN	
2.1	Mengenal pasti matlamat strategik MAIS (Piagam MAIS mengenai Pengurusan Risiko Rasuah)	21
2.2	Mengenal pasti Aktiviti Utama MAIS Bagi Sektor Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)	23
BAB 3	KERANGKA PELAN ANTI RASUAH MAIS	
3.1, -3,3	Visi, Misi Dan Matlamat Pelan Antirasuah MAIS	34
3.4	Bidang keutamaan, strategi dan objektif	34
3.5	Strategi Pelan Antirasuah MAIS	34
3.6	Inisiatif dan Aktiviti Pelan Antirasuah MAIS	35
BAB 4	TADBIR URUS PELAN ANTI RASUAH MAIS	
4.1	Mekanisme Pelaksanaan Dan Pemantauan Pelan Antirasuah MAIS	49
4.2	Penilaian Dan Pembaharuan Pelan Antirasuah MAIS	52
BAB 5	KESIMPULAN	
5.1	Rumusan	53
5.2	Penghargaan	54

BAB 1 : PENGENALAN

1. PENGENALAN MAIS

1.1. Latar Belakang MAIS

MAIS merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (*a body corporate*) menurut Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Pada 1 Mac 2005, pentadbiran Bahagian Pengurusan Baitulmal (BPB) telah dipindahkan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ke Majlis Agama Islam Selangor dan telah disahkan oleh Mesyuarat MAIS pada 14 April 2005.

Pengasingan ini adalah menepati kehendak peruntukan Seksyen 81(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan bahawa MAIS berbidang kuasa untuk mentadbir semua wang dan harta Baitulmal. Semua wang dan harta ini hendaklah terletak hak kepada MAIS.

1.2. Kewajipan MAIS

“Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak”

(Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003)

1.3. Fungsi MAIS

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.”

(Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003)

1.4. Kuasa-Kuasa MAIS Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor

Majlis Agama Islam Selangor mempunyai kuasa untuk menunaikan kewajipan di bawah seksyen 7(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016.

Selain itu, MAIS juga mempunyai kuasa-kuasa berikut :

- 1.4.1. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan
(seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.2. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
(seksyen 9 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.3. Kuasa untuk meminjam
(seksyen 10 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.4. Perwakilan kewajipan atau kuasa Majlis
(seksyen 28 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.5. Majlis boleh menentukan tatacara sendiri
(seksyen 43 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.6. Melantik Pegawai Penguatkuasa Agama
(Seksyen 79 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.7. Melantik Peguam Syarie
(Seksyen 80 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.8. Kuasa majlis memungut dan menagih zakat dan fitrah
(Seksyen 86 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.9. Pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah
(seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.10. Pemegang amanah tunggal masjid dan surau
(Seksyen 96 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.11. Pungutan khairat
(Seksyen 106 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.12. Pendaftaran muallaf
(Seksyen 109 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.13. Pendidikan Agama Islam (Tauliah)
(Seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.14. Mendaftar sekolah-sekolah agama Islam
(Seksyen 120 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)
- 1.4.15. Kuasa Am untuk membuat peraturan-peraturan
(Seksyen 122 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor Pindaan 2016)

1.5. Carta Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Selangor

Carta Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Selangor



■ BADAN EKSEKUTIF
 ■ BADAN KEHAKIMAN

Sumber: Bahagian Undang-Undang, MAIS

[f](#) Majlis Agama Islam Selangor
 [i](#) mais_officialhq
 [t](#) maisgov.my

www.mais.gov.my

1.6. VISI, MISI MAIS

1.6.1. Visi : Mendaulatkan Syiar Islam

1.6.2. Misi : Memperkasakan Ummah Selaras Dengan Hukum Syarak

1.7. Nilai Murni MAIS

1.7.1. **M** : Muhasabah

1.7.2. **A** : Amanah

1.7.3. **I** : Istiqamah

1.7.4. **S** : Syura

1.8. Teras Utama Pelan Strategik MAIS 2020-2024



1.8.1. **Akidah**

Pengukuhan Akidah, Syariah Dan Akhlak

1.8.2. **Sosial**

Pembangunan Sistem Sosial Islam Yang Dinamik

1.8.3. **Ekonomi**

Pemeriksaan Sumber Ekonomi Islam

1.8.4. **Tadbir Urus**

Pemeriksaan Tadbir Urus Dan Sistem Penyampaian


1.8.5. **Undang-Undang**

Pemeriksaan Dasar dan Perundangan Islam

1.9. Strategi MAIS



1.10. Carta Organisasi Pentadbiran MAIS



1.11. KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH MAIS (PARMAIS)

Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) merupakan satu dokumen anti rasuah di peringkat agensi bagi menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam menjalankan kewajipan dan fungsi MAIS yang dinyatakan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Majlis Agama Islam Selangor merupakan pihak berkuasa utama dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan berhubung dengan agama Islam di Negeri Selangor kecuali perkara hukum syarak dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan.

Justeru itu, keperluan untuk membangunkan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) adalah merangkumi :

a. Menyokong Dasar Kerajaan Dalam Pelan Antirasuah Nasional

Pembangunan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) adalah selaras dengan Inisiatif 2.1.5. Pelan Antirasuah Nasional telah dilancarkan dengan rasminya pada 29 Januari 2019 oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di bawah **Strategi 2 : Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan iaitu 'mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Nasional'**.

b. Menyokong Pelan Strategik MAIS 2020-2024

Pelan Strategik MAIS 2020-2024 yang telah diluluskan dalam Mesyuarat MAIS pada 9 Disember 2019 dan di rasmikan oleh D.Y.M.M Sultan Selangor pada 12 September 2020 di bawah teras utama **Pemeriksaan Tadbir Urus & Sistem Penyampaian** di bawah strategi menjadi **Institusi Pentadbiran Islam Yang Maju, Inovatif Dan Integriti** menggariskan bahawa keperluan mewujudkan Pelan Antirasuah Agensi Agama Islam.

c. Fungsi MAIS Yang Dilaksanakan Oleh Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor

MAIS merupakan pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan.

Fungsi dan kuasa MAIS juga telah dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Islam seperti Jabatan Agama Islam Selangor meliputi pengurusan dakwah dan tauliah, pengurusan masjid, pendidikan Islam, penguatkuasaan dan Jabatan Kehakiman Syarie Selangor merangkumi pengurusan peguam syarie.

d. Agensi Dan Anak Syarikat Yang Ditubuhkan Di Bawah Majlis Agama Islam Selangor

Majlis Agama Islam Selangor merupakan suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun yang merupakan pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan telah mewujudkan Agensi dan Anak Syarikat MAIS bagi membantu MAIS menjalankan kewajipan yang dinyatakan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 pindaan 2016.

Agensi dan Anak Syarikat MAIS melibatkan pendaftaran yang pelbagai seperti berikut :

Bil	Agensi dan Anak Syarikat MAIS	Pendaftaran
1	Lembaga Zakat Selangor (MAIS)	Ikatan Amanah AKTA AMANAH
2	Perbadanan Wakaf Selangor(PWS)	Perbadanan Seksyen 8 EPAINS
3	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
4	Bakti Suci Holdings Sdn Bhd (BSHSB)	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
5	Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS)	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Bil	Agensi dan Anak Syarikat MAIS	Pendaftaran
6	Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE)	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Kepelbagaian tadbir urus agensi dan anak syarikat MAIS memerlukan pemantauan dari sudut integriti dan rasuah dipergiatkan demi mencapai fungsi dan kewajipan MAIS menurut enakmen.

e. Pembangunan Fungsi Integriti Di MAIS

Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pencalonan Bil. 1/2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia MAIS Bil. 1/2021 telah mewujudkan fungsi integriti di dalam Sektor Audit Dalam & Integriti berkuat kuasa pada 1 Mac 2021.

Bagi memperkemaskan lagi langkah-langkah ke arah pemantapan integriti di kalangan semua warga kerja serta pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan fungsi MAIS dan saranan di dalam Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang dikeluarkan oleh SPRM, adalah wajar supaya Pelan Antirasuah diwujudkan bagi memberikan panduan kepada semua kakitangan MAIS dan pihak berkaitan untuk menangani berlakunya amalan rasuah dikalangan warga kerja MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi dan Anak Syarikat MAIS.

f. Menyumbang Peningkatan Kedudukan Malaysia Dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI)

Kedudukan Malaysia dalam CPI 2019 meningkat 10 tangga ke kedudukan ke-51 berbanding tahun 2018 iaitu di kedudukan ke-61 daripada 180 negara yang mengambil bahagian. Malaysia mendapat 53 mata berbanding 47 mata pada indeks 2018. Skor pada CPI 2019 merupakan yang terbaik bagi Malaysia semenjak 20 tahun dahulu.

Walaupun bagaimanapun, Skor CPI terus menurun bagi tahun 2020 dan 2021 menjadikan Malaysia tempat ke 62 dari 180 negara dari aspek Indeks Persepsi Rasuah (CPI).


Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Kedudukan	54	55	62	61	51	57	62
Skor	50	49	47	47	53	51	48
Negara	168	176	168	180	180	180	180

Sumber: Transparency International 2020


g. Statistik Aduan Pihak Berkuasa Terhadap Institusi Agama

i. Statistik Aduan MAIS, Agensi Dan Anak Syarikat Di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Data yang diterima daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan bahawa institusi agama tidak terlepas daripada aduan melibatkan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan terutama di masjid dan surau seperti berikut:




Manakala analisis terhadap aduan menunjukkan bahawa penyelewengan/tuntutan sebanyak 40% merupakan aduan tertinggi, diikuti oleh perolehan/ kontrak 33%, lain-lain (salahlaku/ tidak puas hati) 15% dan pentadbiran hartanah/ pusaka/ zakat/ akaun 12% seperti berikut:




ii. Statistik Aduan MAIS , Agensi Dan Anak Syarikat Di Biro Pengaduan Awam

Data yang diterima daripada Biro Pengaduan Awam (BPA) menunjukkan bahawa Institusi agama tidak terlepas daripada aduan melibatkan rasuah terutama di masjid dan surau seperti berikut:




Manakala analisis terhadap aduan menunjukkan bahawa kualiti perkhidmatan yang tidak memuaskan termasuk kaunter dan telefon adalah tertinggi meliputi 42%, diikuti oleh pelbagai aduan 25%, tindakan yang tidak menepati kehendak pelanggan 17%, dan 8% bagi kepincangan pelaksanaan dasar dan kelemahan undang-undang dan salah guna kuasa/ penyelewengan seperti berikut :




iii. **Statistik Aduan Yang Diterima Oleh MAIS Dan Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor**

A. Statistik Aduan Awam MAIS

Data yang diterima daripada Bahagian Komunikasi Korporat MAIS menunjukkan bahawa:




Manakala analisis terhadap aduan menunjukkan aduan pentadbiran 64% merupakan aduan tertinggi, diikuti oleh pertanyaan 19% dan aduan integriti 17% seperti berikut :




B. Statistik Aduan Masjid Dan Surau

Data yang diterima daripada Bahagian Pengurusan Masjid JAIS menunjukkan bahawa:



Manakala analisis terhadap aduan menunjukkan aduan tertinggi adalah melibatkan pentadbiran berjumlah 40% seperti berikut :




iv. Statistik Tatatertib Di MAIS

Berdasarkan rekod di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MAIS menunjukkan bahawa terdapat dua kesalahan bagi tidak hadir bertugas dan kes rasuah SPRM, dan seorang bagi setiap kes kecurian, tidak mengikut SOP terimaan wang hasil dan menggunakan kedudukan pegawai untuk kepentingan peribadi sepanjang 5 tahun seperti berikut :



v. Statistik Tahap Keberhutangan Serius Pegawai MAIS



Berdasarkan rekod di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MAIS menunjukkan hanya satu rekod keberhutangan serius direkodkan sepanjang 5 tahun.

h. Laporan Audit Negara

Analisis terhadap laporan pemerhatian audit yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara kepada pihak MAIS menunjukkan bahawa :

Tahun	Bilangan penemuan	Kategori penemuan		
		Pengurusan dan pentadbiran	Kesilapan merekod	Salah laku Rasuah dan penyelewengan
2017	10	10	0	0
	17 Khas Hartanah	17	0	0
2019	9	9	0	0

Analisis menunjukkan bahawa teguran yang diterima oleh pihak MAIS merupakan penemuan yang bersifat pengurusan tanpa melibatkan kesalahan salah laku, rasuah atau penyelewengan.

Rumusan menunjukkan bahawa kelemahan tadbir urus dan integriti dalam pentadbiran agama Islam akan menyebabkan fungsi dan kewajipan MAIS menurut Enakmen tidak dapat dicapai seterusnya keadaan sosial dan ekonomi umat Islam yang mampan tidak dapat diwujudkan. Sebagai contoh, sekiranya berlaku penyelewengan atau salah guna kuasa dalam penyampaian perkhidmatan ia akan memberikan imej dan reputasi yang tidak baik kepada MAIS. Begitu juga sekiranya berlaku ketirisan, penyelewengan, atau amalan rasuah melibatkan perolehan, akan menyebabkan mutu perkhidmatan serta bekalan yang diperolehi oleh pihak MAIS tidak setimpal dan tidak berkualiti dengan bayaran yang telah dibelanjakan seterusnya sedikit sebanyak akan mendatangkan kerugian kepada umat Islam di Selangor khususnya serta mengurangkan kepercayaan orang awam kepada institusi agama Islam.

Ketidaktelusan dalam pengendalian wang awam yang merupakan amanah daripada rakyat akan menimbulkan pelbagai spekulasi dan tohmahan yang memberikan imej dan persepsi negatif kepada perkhidmatan institusi agama seterusnya dapat memberi kesan yang besar kepada pembayaran zakat, wakaf dan sumbangan awam dan menyebabkan umat Islam yang memerlukan di Selangor tidak dapat disantuni dengan baik dan telus.

Sekiranya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa tidak ditangani, program dan aktiviti yang dirancang di bawah dasar dan pelan tindakan yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa merupakan perkara yang bertentangan dengan Hukum Syarak dan wajar dikawal bagi memastikan segala urusan dan perjalanan fungsi dan kewajipan MAIS menepati Hukum Syarak dan undang-undang yang berkuatkuasa.

1.12 PENILAIAN RISIKO RASUAH

Majlis Agama Islam Selangor merupakan suatu badan yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran agama Islam di Negeri Selangor. Statistik menunjukkan bahawa Institusi agama tidak terlepas daripada terlibat dengan isu integriti dan rasuah.


Penerapan nilai integriti dan risiko bagi mencegah rasuah sangat dititikberatkan dalam pentadbiran agama Islam di Selangor. MAIS telah membangunkan pengurusan risiko rasuah yang merupakan satu alat pengurusan (*Management Tool*) yang boleh membantu mewujudkan sebuah sistem pengurusan risiko yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

Pengurusan Risiko Rasuah (CRM MAIS) ini dapat membantu langkah-langkah pencegahan dan menutup ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah di setiap peringkat.

Penilaian risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah telah dirangka dengan mengambil kira beberapa perkara seperti berikut :




Hasil Analisis risiko menunjukkan bahawa :




- Analisis risiko berdasarkan kategori Sektor/Bahagian/ Fungsi :

Sektor/Bahagian/ Fungsi




Analisis tahap risiko berdasarkan penilaian berdasarkan kawalan sedia ada yang telah dilaksanakan oleh Bahagian-bahagian di MAIS menunjukkan bahawa :


a. Pentadbiran Majlis Agama Islam Selangor




b. Masjid Dan Surau




c. Sekolah Agama Islam



d. Pemegang Tauliah



e. Peguam Syarie



Penilaian risiko yang telah dilaksanakan berdasarkan kawalan sedia ada menunjukkan bahawa risiko rasuah di MAIS secara purata adalah di tahap sederhana manakala di masjid, surau dan sekolah Islam adalah di tahap yang tinggi disebabkan jumlah yang tinggi dan melibatkan pengurusan yang diurus sendiri oleh orang awam yang dilantik oleh pihak MAIS.

Justeru itu, keperluan mewujudkan inisiatif Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) perlu dilaksanakan bagi mengurangkan risiko yang telah ditetapkan berdasarkan penilaian risiko yang telah dilaksanakan.

BAB 2: SENARIO RASUAH MASA HADAPAN

Majlis hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan berkaitan semua perkara berhubung dengan Agama Islam di Negeri Selangor kecuali perkara berkaitan hukum syarak dan berhubung dengan pentadbiran keadilan.

(Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003)

Selaras dengan peruntukan Enakmen dan usaha berterusan meningkatkan urusan tadbir urus pentadbiran agama Islam di Selangor, MAIS akan memastikan pelaksanaan dasar ini akan dapat mencegah dan mengesan kegiatan rasuah, penipuan, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan salah laku dengan lebih berkesan demi mencapai tahap ketelusan yang tinggi dalam melaksanakan fungsi , kewajipan dan tanggungjawab yang telah ditetapkan di dalam Enakmen.

Secara keseluruhan, MAIS menguruskan harta orang Islam, Baitulmal, wakaf, zakat dan apa-apa harta yang bertujuan untuk agama Islam di Selangor. Hasil Agama dan Hasil Bukan Agama tahunan di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dilihat menunjukkan trend yang meningkat setiap tahun dan telah melebihi RM 1 Bilion setiap tahun. Dengan peningkatan berterusan dana ini yang diuruskan dari tahun ke tahun serta memandangkan sejumlah besar dana yang akan diuruskan, sangat mustahak bagi MAIS untuk memastikan bahawa kawalan yang mencukupi dilaksanakan bagi memberi jaminan kepada masyarakat mengenai integriti dan profesionalisme MAIS.

MAIS juga merupakan pemegang amanah tunggal masjid dan surau di Negeri Selangor berjumlah 2,498 buah yang meliputi anggaran pendapatan melebihi RM80 juta setahun. Kewujudan masjid dan surau di Negeri Selangor adalah sangat pesat selaras dengan kepesatan pembangunan perumahan dan perniagaan serta boleh dikatakan setiap satu projek pembangunan dibangunkan akan mewujudkan sekurang-kurangnya satu masjid atau surau di bawahnya. Selain keperluan untuk mengurus lebih kurang 54,494 orang jawatankuasa masjid dan surau yang berlainan latar belakang, pemahaman dan tahap integriti.

MAIS melalui pendaftar sekolah juga meluluskan pertubuhan sekolah-sekolah agama Islam di Selangor berjumlah 1,500 buah terdiri daripada pelbagai jenis sekolah sama ada sekolah agama negeri, sekolah agama rendah swasta, tahfiz, pondok dan sebagainya. Perkembangan

sekolah agama Islam juga amat pesat mengikut keperluan masyarakat yang memerlukan pendidikan agama sealiran dengan pendidikan kebangsaan.

Sering kali juga skandal melibatkan pegawai agama dilaporkan di dada-dada akhbar baru-baru ini, adalah penting kepada MAIS untuk memperuntukkan keutamaan bagi mewujudkan pendekatan komprehensif untuk mengelak dan mengurus risiko integriti, rasuah, penipuan, penyelewengan dan salah laku.

Amalan rasuah dan penyelewengan masih boleh berlaku atas konflik kepentingan serta faktor manusia. Dasar dan Pengurusan Risiko Rasuah (*CRM*) yang diadaptasi di MAIS mengenal pasti risiko operasi yang telah didaftarkan dan dikenal pasti, namun telah ditambah nilai dengan memasukkan elemen risiko berlakunya kebarangkalian dan potensi rasuah di dalam MAIS.

Fokus dan skop utama Pengurusan Risiko Rasuah (*CRM*) di MAIS adalah ke atas pentadbiran di MAIS, masjid, surau dan sekolah agama Islam swasta dengan fokus utama diberikan kepada inisiatif-inisiatif bagi menutup ruang dan peluang melalui mengklasifikasikan risiko rasuah menjurus terus ke risiko amalan rasuah, kawalan peringkat dalaman serta memperuntukkan bajet, penubuhan Sektor Audit Dalam & Integriti (SAI) di MAIS.

Terdapat Lima (5) teras utama di dalam melaksanakan pengurusan risiko rasuah secara berterusan di MAIS.

2.1. Mengenal pasti Matlamat strategik MAIS (Piagam MAIS mengenai Pengurusan Risiko Rasuah)

MAIS komited melaksanakan Pengurusan Risiko Rasuah (*CRM*) dalam semua fungsi yang dijalankan oleh MAIS sama ada bersifat dalaman dan luaran. MAIS telah mengenal pasti beberapa faktor yang berpotensi menyumbang kepada risiko dan kebarangkalian berlakunya amalan rasuah semasa pelaksanaan fungsi MAIS sama ada operasi yang dilaksanakan di MAIS dan dilaksanakan oleh individu yang dilantik oleh MAIS termasuk masjid dan surau kariah dan Sekolah Agama Islam.

2.2. Mengenal pasti fungsi dan aktiviti utama MAIS bagi Sektor Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)

MAIS komited menilai dan menambah baik proses pengurusan risiko rasuah dari semasa ke semasa mengikut arus globalisasi dan geopolitik semasa. Beberapa risiko telah dikenal pasti untuk dikaji dengan lebih terperinci berdasarkan jadual seperti di bawah;

Jadual 2.2.1
Bidang 1 – PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

No	Risiko yang telah dikenal pasti
Risiko Berkaitan Pentadbiran MAIS	
1	Pakatan meningkatkan jumlah tuntutan pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan
2	Rasuah / salah gunakuasa dalam pelantikan pegawai
3	Pakatan dalam penentuan penyelidik
4	Rasuah dalam mendapatkan dana pelaburan dan meningkatkan jumlah pelaburan di institusi tidak profesional
5	Pemalsuan prestasi pengurus dana/insituti pengurusan pelaburan
6	Rasuah untuk mendapatkan bantuan guaman syarie
7	Rasuah bagi pelantikan peguam panel MAIS
8	Pakatan membocorkan maklumat rahsia
9	Rasuah dalam kelulusan permohonan kelulusan kebenaran belanja masjid dan surau di MAIS
10	Rasuah dalam mempengaruhi tindakan pelaksanaan pengurusan aduan
11	Penyalahgunaan kuasa dan wang bahagian
12	Pegawai penyiasat meminta atau menerima imbuhan semasa proses siasatan/audit
13	Rasuah dalam menguruskan tuntutan elaun kerja pegawai
14	Rasuah untuk mendapatkan/ menghilangkan atau memalsukan maklumat sulit dalam pangkalan data /sistem

No	Risiko yang telah dikenal pasti
15	Mempengaruhi tindakan pengurusan agensi dan anak syarikat untuk tidak mendedahkan laporan dengan telus kepada pemegang saham/pihak berkepentingan
16	Peningkatan amalan rasuah di agensi dan anak syarikat
Risiko Masjid Dan Surau	
17	Pemalsuan dokumen tuntutan perbelanjaan
18	Pemalsuan resit terimaan
19	Penyelewengan duit kutipan
Risiko Sekolah Agama Islam Swasta	
20	Salahguna kuasa menggunakan duit yuran untuk kepentingan peribadi
Risiko Tauliah	
21	Pakatan meluluskan permohonan tauliah
Risiko Peguam Syarie	
22	Komisen untuk mempercepatkan proses tuntutan anak guaman

Jadual 2.2.2

Bidang 2 – PENGURUSAN HARTANAH DAN PROJEK

No	Risiko yang telah dikenal pasti
Risiko Berkaitan Pentadbiran MAIS	
1	Rasuah dalam mempengaruhi tindakan penilaian kelayakan syarikat
2	Rasuah dalam mempengaruhi tindakan pemilihan penyewa
3	Rasuah tidak diambil terhadap kesalahan penyewa
4	Rasuah dalam mempengaruhi tindakan pembelian aset
Risiko Masjid Dan Surau	
5	Meminta dan menerima rasuah untuk mendapatkan projek
6	Penyalahgunaan kuasa dalam pembelian aset atau barang
7	Pembinaan/pembaikan tanpa kelulusan

No	Risiko yang telah dikenal pasti
8	Menukar spesifikasi tanpa kebenaran

Jadual 2.2.3
Bidang 3 – PENGURUSAN PEROLEHAN

No	Risiko yang telah dikenal pasti
Risiko Berkaitan Pentadbiran MAIS	
1	Salah guna jawatan menentukan tempat servis kereta
2	Rasuah dalam pemilihan dan penentuan harga pakej latihan
3	Rasuah oleh pelatih/pegawai untuk mendapatkan barang/perkhidmatan yang diinginkan
4	Rasuah dalam mempercepatkan proses tawaran
5	Rasuah dalam penilaian pembekal/Kontraktor
6	Pemalsuan terhadap laporan kerja
7	Rasuah dalam mempengaruhi tindakan pemilihan pembekal media arus perdana dan pembekal penerbitan
8	Rasuah dalam meluluskan perubahan kerja
9	Rasuah dalam mempengaruhi tindakan pemilihan perunding
10	Rasuah dalam mempengaruhi tindakan pemilihan kontraktor
11	Rasuah dalam menguruskan proses pembayaran/perolehan kontrak, kerja, perkhidmatan atau projek
Risiko Masjid Dan Surau	
12	Pakatan mengesahkan tuntutan palsu
13	Kebocoran maklumat tender kepada petender
14	Rasuah Jawatankuasa Masjid dan pembekal membeli aset untuk manfaat peribadi
Risiko Sekolah Agama Islam Swasta	
15	Pemilihan pengusaha kantin dikalangan ahli keluarga, guru, kakitangan sekolah

No	Risiko yang telah dikenal pasti
16	Rasuah untuk mendapatkan tender
17	Pakatan untuk mempercepatkan bayaran bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan

Jadual 2.2.4

Bidang 4 – PENGURUSAN SUMBANGAN DAN AGIHAN

No	Risiko yang telah dikenal pasti
Risiko Berkaitan Pentadbiran MAIS	
1	Salah guna kuasa dalam pemberian sumbangan umum
2	Pemalsuan dokumen dalam mempengaruhi tindakan pendaftaran rumah Pemulihan Riqab
3	Rasuah dalam penentuan penerima fidyah
4	Rasuah dalam penilaian bantuan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan
Risiko Masjid Dan Surau	
5	Pemalsuan dokumen tuntutan perbelanjaan

Jadual 2.2.5

Bidang 5 – PENGURUSAN BAITULMAL

No	Risiko yang telah dikenal pasti
Risiko Berkaitan Pentadbiran MAIS	
1	Rasuah dalam meminda dokumen wasiat tanpa pengetahuan pewasiat
2	Pegawai berpotensi untuk menjual maklumat untuk mendapat habuan atau keuntungan peribadi.
3	Rasuah dalam sokongan kelulusan permohonan dan penyambungan kebenaran Pungutan Khairat
4	Pakatan bersama kedai bagi mencairkan harta luqatah
5	Geran harta pusaka waris hilang dalam simpanan

No	Risiko yang telah dikenal pasti
6	Rasuah dalam penyalahgunaan kuasa semasa mengurus kelulusan permohonan produk Baitulmal.
7	Rasuah dalam mempercepatkan proses wasiat/hibah
8	Rasuah dalam mempengaruhi tindakan pelanggan bagi menggunakan perkhidmatan agensi lain untuk kepentingan diri sendiri pegawai.

2.3. MAIS mengguna pakai tujuh (7) terma rujukan dalam proses Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) seperti rajah di bawah:



2.4. Dalam aspek penilaian tahap risiko rasuah, MAIS menggunakan skema penarafan tahap risiko berdasarkan kebarangkalian dan impak skema seperti berikut:

SKEMA PENARAFAN TAHAP RISIKO

Akibat Kebarangkalian	Tidak berkesan	Kecil	Sederhana	tinggi	Sangat Tinggi
Hampir pasti berlaku (HPB)	Signifikan	Signifikan	Tinggi	Tinggi	Tinggi
Kemungkinan berlaku (KB)	Sederhana	Signifikan	Signifikan	Tinggi	Tinggi
Sederhana (S)	Rendah	Sederhana	Signifikan	Tinggi	Tinggi
Kemungkinan berlaku kecil (KBK)	Rendah	Rendah	Sederhana	Signifikan	Tinggi
Jarang(J)	Rendah	Rendah	Sederhana	Signifikan	Signifikan

2.5. Kawalan (Control)

MAIS mengklasifikasikan kawalan kepada dua (2) tahap iaitu;

- a. Tahap kawalan di peringkat organisasi
- b. Tahap kawalan prosedur dan proses kerja

Input daripada dua (2) tahap kawalan ini akan ditransformasikan kepada “output” yang dapat dikategorikan kepada tiga (3) bentuk kawalan;

- a. Kawalan Pencegahan
 - Mengenal pasti dan mengurangkan kebarangkalian berlakunya elemen amalan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan integriti.
 - Penggunaan pelbagai akta, enakmen, peraturan, prosedur dan pekeliling atau arahan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

b. Kawalan Pengesanan

Mengenal pasti risiko, punca dan mengambil segala langkah yang perlu dan praktikal bagi menangani punca atau kelonggaran dalam prosedur sebelum berlakunya insiden yang melibatkan integriti dan rasuah di kalangan pegawai atau individu yang dilantik dalam menjalankan fungsi MAIS.

c. Kawalan Pembetulan

Mengambil langkah yang sewajarnya dengan melaksanakan pelan tindakan pembetulan.


2.6. Pelan Tindakan (*Action Plan*)

MAIS akan menggariskan beberapa rancangan, tindakan, inisiatif dan aktiviti serta rawatan bagi menangani risiko dan punca yang telah dikenal pasti sama ada tindakan tersebut dapat menghapus (*terminate*), mengurangkan (*reduce*), dapat diterima (*accept*) atau perlu dipindahkan (*pass-on*). Kesemua tindakan dan pemulihan ini akan dimasukkan dalam Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRR) MAIS setelah mendapat persetujuan dari pengurusan tertinggi MAIS dan Jawatankuasa risiko.

2.7. Pemantauan (*Monitoring*)

MAIS melalui Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan dengan kerjasama Sektor Audit Dalam & Integriti (SAI) yang ditubuhkan akan berterusan memantau serta membuat pelaporan secara berkala melalui Pengurusan Risiko Rasuah, membuat penilaian dan kajian semula untuk dilaporkan kepada Pengurusan Tertinggi MAIS dan Jawatankuasa Risiko. Sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap kawalan yang ditetapkan serta insiden integriti atau rasuah yang berlaku sepanjang tempoh penilaian dilaksanakan akan di ambil tindakan oleh Sektor Audit Dalam & Integriti (SAI).

2.8. Melalui rujukan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023, MAIS telah mengguna pakai model *Anti-Corruption Framework* seperti di bawah:



Sumber: Program CeIO MACA (Dr. Azmi Mohd, 2020)

Penjelasan terperinci mengenai Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di MAIS berpandukan model di atas adalah seperti berikut:

Teras 1 – Mewujudkan dan membangunkan "*corruption prevention policy*" atau polisi pencegahan rasuah. MAIS telah mengambil segala langkah-langkah perlu bagi mewujudkan elemen integriti dan urus tadbir seperti berikut:

- (i) Menandatangani *Corporate Integrity Pledge*
- (ii) Melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah
- (iii) Mewujudkan Sektor Audit Dalam & Integriti (SAI)

Teras 2 – Mewujudkan dan membangunkan kod etika.

Peraturan-Peraturan Pegawai Majlis Agama Islam Selangor (Kelakuan dan Tata tertib) 2007 telah diwujudkan dan berkuat kuasa pada 20 Disember 2007.

Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pegawai Majlis Agama Islam Selangor. Peraturan ini merupakan suatu undang-undang yang memfokuskan tugas kawalan dan pengawasan tata tertib, tata kelakuan, ketidakhadiran tanpa cuti, pegawai yang tertakluk kepada prosiding jenayah, tatacara tata tertib, hukuman tata tertib, penahanan kerja dan penggantungan kerja, penamatan dan kepentingan awam keanggotaan dan bidang kuasa jawatankuasa tata tertib dan lembaga rayuan tata tertib dan pelbagai.

Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Dan Surau 2017 juga telah diwartakan bagi memberi fokus kepada pentadbiran masjid dan surau merangkumi pemilihan, penamatan, fungsi dan tanggungjawab, kewangan, aset, pelaburan, aduan dan tata tertib.

Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988 pindaan 2001 telah diwartakan bagi memberi fokus kepada pewujudan dan pendaftaran sekolah, tanggungjawab pendaftar dan jemaah pengurusan, naziran dan tindakan.

MAIS juga telah mewujudkan nilai-nilai murni MAIS selaras dengan pensijilan Malaysia Standard 1900 : 2014 Pengurusan berasaskan syariah merangkumi nilai Muhasabah, Amanah, Istiqamah dan Syura. Nilai murni ini menjadi titik tolak memastikan penghayatan terhadap nilai integriti terutama amanah diterapkan di dalam tadbir urus MAIS.

Kod Etika ini dapat mewujudkan suasana kerja yang kondusif, berintegriti dan meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap institusi agama apabila penerapan dan penghayatan dilaksanakan kepada semua pegawai MAIS, Agensi, anak syarikat dan individu yang dilantik menjalankan fungsi MAIS.

Teras 3 – Mewujudkan dan membangunkan Pengurusan Risiko Rasuah. Inisiatif ini seiring dengan hala tuju NACP dengan membangunkan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS). Pengurusan Risiko Rasuah MAIS akan memberi fokus utama kepada lima bidang utama iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Pengurusan Hartanah dan

Projek, Pengurusan Perolehan, Pengurusan sumbangan dan Agihan, dan Pengurusan Baitulmal. Memandangkan MAIS merupakan badan awam yang mentadbir urus serta menyalurkan dana awam untuk pembangunan sosio ekonomi dan ekonomi umat Islam di Negeri Selangor, langkah-langkah pencegahan dan kawalan terhadap isu-isu integriti perlu dilaksanakan bagi menjaga nama baik agama Islam, institusi diraja dan rakyat .

Teras 4 – Teras ini adalah “Pengesanan Perlakuan Rasuah dan Pelanggaran Pematuhan” (*Detecting Corrupt Practices and Compliance Breaches*).

Langkah proaktif MAIS ini adalah memastikan unsur rasuah dan penyalahgunaan kuasa dapat dibendung ke tahap yang paling minima. Mesyuarat Kumpulan Integriti MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam, agensi dan anak syarikat diwujudkan bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan integriti di MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam, agensi dan anak syarikat.

Pihak MAIS juga menjalinkan kerjasama dgn pihak PDRM, SPRM dan agensi kerajaan lain dalam memastikan tahap integriti pegawai dan individu yang menjalankan fungsi MAIS di tahap yang baik dan pihak MAIS juga akan mendapatkan bantuan kepakaran pihak ketiga dalam hal-hal pengesanan perlakuan rasuah serta pelanggaran pematuhan yang rumit dan melibatkan luar bidang kuasa atau had MAIS.

Teras 5 – Teras ini merujuk kepada “Maklum Balas Terhadap Perlakuan Rasuah dan Pelanggaran Pematuhan (*Responding to Corrupt Conduct and Compliance Breaches*). Dalam teras ini, MAIS dibantu dan dikawal selia oleh Sektor Audit Dalam & Integriti (SAI) bagi memastikan segala langkah-langkah secukupnya serta patut, (*adequate measures*) disusun atur bagi memberi respons supaya amalan rasuah dapat dikurangkan pada tahap yang paling minima dan berkesan seiring dengan misi dan visi Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Dalam situasi tertentu, MAIS akan mendapatkan bantuan kepakaran profesional pihak ketiga dalam hal-hal berkaitan Teras 5 ini.

Teras 6 – Teras ini merujuk kepada pendidikan dan kesedaran (*education and awareness*). Teras ini perlu dilaksanakan sepanjang tahun. Aktiviti-aktiviti pendidikan dan kesedaran ini meliputi seminar, persidangan, bengkel dan kursus-kursus dalaman berkaitan dengan pencegahan rasuah.

Maklumat berkaitan *whistle blowing policy* akan diwujudkan di laman web MAIS bagi memberi kesedaran terhadap penerapan elemen integriti dan tadbir urus yang baik dalam menangani amalan rasuah. Pembudayaan integriti dan urus tadbir secara profesional, berhemah serta berasaskan nilai murni dan mesra rakyat sentiasa diterapkan dan dijadikan asas di MAIS. Aspek ini juga digunakan oleh pengurusan tertinggi MAIS dalam menilai prestasi warga kerja MAIS sama ada untuk pengesahan jawatan, kenaikan pangkat atau pemberian insentif dan pelarasan gaji. Aktiviti-aktiviti pendidikan dan kesedaran akan diperhebatkan lagi dengan pelantikan beberapa individu MAIS yang terpilih untuk menjadi Ikon atau Model Integriti dan Tadbir Urus supaya individu ini dapat menjadi agen bagi menyampaikan hasrat MAIS.

BAB 3 : KERANGKA PELAN ANTIRASUAH MAIS (PARMAIS)

3.1. VISI Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS)

Meneraju Institusi Pentadbiran Agama Islam Yang Maju, Inovatif dan Integriti.

3.2. MISI Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS)

Memacu Pentadbiran Agama Islam Yang Mampan Melalui Perancangan Dan Pemantauan Yang Telus, Akauntabiliti Dan Berintegriti Demi Memajukan Sosial Dan Ekonomi Umat Islam Di Selangor.

3.3. Matlamat Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS)

Warga kerja MAIS, Agensi dan Anak Syarikat menjalankan tanggungjawab dan amanah dalam mencapai visi dan misi MAIS dengan telus, Akauntabiliti Dan Berintegriti.

3.4. Bidang Keutamaan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS)

- a. Pengurusan dan Pentadbiran
- b. Pengurusan Hartanah dan Projek
- c. Pengurusan Perolehan
- d. Pengurusan Sumbangan dan Agihan
- e. Pengurusan Baitulmal

3.5. Strategi Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS)

- a. Memperkasa Tadbir Urus Baik di MAIS
- b. Mempertingkatkan Kawalan Pemantauan Dan Penguatkuasaan
- c. Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan dan Pengurusan Projek
- d. Memperkasa Tadbir Urus Baik di Masjid dan Surau Negeri Selangor
- e. Memperkasa Tadbir Urus Baik di Sekolah Agama Islam Negeri Selangor

- f. Memantapkan Kecekapan Dalam Pengurusan Projek
- g. Memantapkan Pengurusan Projek di Masjid Dan Surau
- h. Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan MAIS
- i. Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Badan Yang Menjalankan Fungsi MAIS
- j. Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Sumbangan dan Agihan
- k. Pemantauan Sumbangan dan Agihan Yang Cepak
- l. Keberkesanan Perbelanjaan Masjid dan Surau
- m. Memperkukuh Tadbir Urus Pengurusan Baitulmal Di MAIS
- n. Meningkatkan Pemantauan dan Pengukuhan Pengurusan Baitulmal

3.6. INISIATIF DAN AKTIVITI PELAN ANTIRASUAH MAIS (PARMAIS)

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

STRATEGI 1.1 : MEMPERKASA TADBIR URUS BAIK DI MAIS

Objektif : Memastikan tadbir urus yang dilaksanakan oleh MAIS merupakan pelaksanaan tadbir urus pengurusan antirasuah yang terbaik.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Pewujudan Unit Integriti Di Dalam Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Selangor	Pewujudan dan pemeraksanaan unit integriti di MAIS, Agensi dan anak syarikat MAIS	1,5	BTUK	2024
		Pengiktirafan kelayakan pegawai integriti	5	SAI/BPSM	2024
2	Penggubalan dasar dan peraturan berkaitan integriti di MAIS	Mewujudkan Dasar Anti Rasuah MAIS	2,5	SAI	2024
		Mewujudkan Dasar Pemberi Maklumat MAIS	2,5	SAI	2024
		Mewujudkan Dasar Pengurusan Risiko Rasuah MAIS	2,5	SAI	2025
		Kepatuhan kepada Tatacara Mencukupi	6	BTUK	2025

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
		SPRM di Anak Syarikat			
3	Penambahbaikan peraturan pentadbiran yang lebih mantap	Penilaian keberhutangan yang serius pegawai MAIS	6	SAI/BPSM	2025
		Pengemaskinian justifikasi kelulusan kebenaran berbelanja masjid dan surau	2,5	BKSU	2024
		Semakan terhadap dokumen prestasi Agensi dan Anak Syarikat	5	BTUK	2024
		Semakan semula polisi penerimaan hadiah MAIS	6	SAI/BPSM	2026
4	Peningkatan pemahaman integriti kepada pegawai MAIS	Pemahaman Dasar konflik kepentingan MAIS	5	SAI	2024
		Latihan integriti secara tahunan	5	SAI/BPSM	2024-2026
		Taklimat arahan keselamatan	5	BPT	2025

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

STRATEGIK 1.2 : MEMPERTINGKATKAN KAWALAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN MAIS

Objektif : Kawalan pematuhan dan penguatkuasaan dilaksanakan dengan baik bagi mengekang gejala rasuah dalam institusi Islam.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Peningkatan pemantauan terhadap peraturan berkuatkuasa di MAIS	Pematuhan terhadap prosedur pelantikan pegawai MAIS	5,6	BRP/SAI	2024
		Pematuhan terhadap prosedur pelantikan penyelidik	5,6	BRP/SAI	2024
		Pematuhan terhadap prosedur bantuan guaman syarie	5,6	BRP/SAI	2025
		Pematuhan terhadap prosedur panel peguam	5,6	BRP/SAI	2026

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
		Pematuhan terhadap prosedur pemberian sumbangan	5,6	BRP/SAI	2025
		Pematuhan terhadap Akta Rahsia Rasmi	5,6	BRP/SAI	2025
		Pematuhan terhadap tuntutan kerja lebih masa	5,6	BRP/SAI	2026
		Pematuhan terhadap Dasar Keselamatan Siber	5,6	BRP/SAI	2024
		Pematuhan terhadap Garis Panduan Agensi dan Anak Syarikat	5,6	BRP/SAI	2026
2	Kerjasama penguatkuasaan bersepadu	Kerjasama antara unit Integriti Agensi dan Anak Syarikat MAIS	2,5,6	SAI	2024

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

STRATEGI 1.3 : MEMPERKASA TADBIR URUS BAIK DI MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR

Objektif : Memastikan pelaksanaan masjid dan surau di Negeri Selangor mengikut tadbir urus yang terbaik dan tidak terlibat dengan gejala rasuah.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Penggubalan dasar dan peraturan berkaitan integriti di masjid dan surau	Mewujudkan Dasar Konflik Kepentingan Masjid dan Surau	1,5	BPM JAIS	2025
		Menetapkan Dasar menandatangani aku janji integriti kepada semua jawatankuasa masjid dan surau	5	BPM JAIS	2024
		Pewujudan medium aduan di masjid dan surau	5	BPM JAIS	2025
2	Penambahbaikan dasar, peraturan pentadbiran masjid dan surau yang efektif	Mewujudkan Garis Panduan Kewangan Pembinaan Masjid dan Surau	5	BPM JAIS	2025
		Mewujudkan Dasar Pengauditan kepada	5	BPM JAIS	2024

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
		semua akaun masjid dan surau			
		Dasar perekodan dan perbelanjaan melalui medium elektronik	5	BPM JAIS	2024
		Semakan semula Garis Panduan Kewangan masjid dan surau	5	BPM JAIS	2024
		Menggubal Dasar Pemberi Maklumat Masjid dan Surau	1	SAI/BPM JAIS	2025
3	Memperkasa pemantauan dan penguatkuasaan secara berkesan	Pewujudan sistem penghantaran penyata kewangan masjid dan surau	5	BPM JAIS	2024
		Pewujudkan Jawatankuasa Pemantauan Pembinaan/Baikpulih masjid dan surau	5	BPM JAIS	2026
		Kerjasama bersepadu antara MAIS dan JAIS dalam penguatkuasaan peraturan dan garis panduan masjid dan surau	2,5,6	BPM JAIS	2024
4	Peningkatan pemahaman integriti kepada Jawatankuasa masjid dan surau	Latihan Integriti masjid dan surau	3	BPM JAIS	2024-2026
		Latihan pengurusan kewangan masjid dan surau	3	BPM JAIS	2024-2026
		Peringatan Integriti secara berkala masjid dan surau	3	BPM JAIS	2024-2026

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

STRATEGI 1.4 : MEMPERKASA TADBIR URUS BAIK DI SEKOLAH AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR

Objektif : Memastikan pelaksanaan sekolah Islam di Negeri Selangor mengikut tadbir urus yang terbaik dan tidak terlibat dengan gejala rasuah.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Penggubalan dasar dan peraturan berkaitan integriti di sekolah Agama Islam	Menetapkan Dasar Konflik Kepentingan di Sekolah Agama Islam Swasta	1,5	BPI JAIS	2025
		Pewujudan Garis Panduan Kewangan Sekolah Agama Islam Swasta	5	BPI JAIS	2024
		Menetapkan Dasar menandatangani aku janji integriti kepada semua Jemaah Pengurusan Sekolah Agama Islam Swasta	5	BPI JAIS	2025
		Pewujudan Medium aduan di Sekolah Agama Islam Swasta	5	BPI JAIS	2024
		Mewujudkan Garis Panduan Perolehan Sekolah Agama Islam Swasta	5	BPI JAIS	2025
2	Penambahbaikan peraturan pentadbiran sekolah agama Islam yang lebih sistematik	Semakan semula Garis Panduan Persatuan Ibubapa Dan Guru	5	BPI JAIS	2026
		Semakan semula Dasar Pengauditan kepada semua akaun Sekolah Agama Islam Swasta	1,5	BPI JAIS	2026
		Dasar perekodan dan perbelanjaan melalui medium elektronik	5	BPI JAIS	2026
3	Pemantauan dan penguatkuasaan secara berkesan	Pewujudan sistem penghantaran penyata kewangan sekolah Agama Islam swasta	5	BPI JAIS	2025
4	Peningkatan pemahaman integriti kepada jemaah	Latihan Integriti berkala Sekolah Agama Islam Swasta	3	BPI JAIS	2024

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
	pengurusan sekolah dan kakitangan sekolah	Latihan pengurusan Kewangan Sekolah Agama Islam Swasta	3	BPI JAIS	2025

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN PROJEK

STRATEGI 2.1 : MEMANTAPKAN KECEKAPAN DALAM PENGURUSAN PROJEK

Objektif 2.1.1 : Meningkatkan kecekapan dan amalan profesionalisme pengurusan projek di MAIS.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Pengemaskinian tadbir urus pengurusan projek MAIS	Penetapan kriteria penilaian usaha sama	2,5	BPE	2025
2	Penambahbaikan kawalan pengurusan projek MAIS	Pengemaskinian dasar pemberian projek kepada anak syarikat MAIS	5,6	BBP/BPP	2025
		Penetapan justifikasi dan kawalan pengecualian sewaan	5,6	BPH	2025

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

Objektif 2.1.2 : Memperkasakan kecekapan dan pengurusan dalam penyampaian projek-projek pembangunan di Majlis Agama Islam Selangor.

Bil	Inisiatif	aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Peningkatan pematuhan terhadap peraturan pengurusan projek MAIS	Pematuhan prosedur dan peraturan pembangunan ekonomi	5	BPE	2025
		Semakan tahap keberhutangan yang serius pegawai di Bahagian Pengurusan Projek	5,6	SAI/BPSM	2025
		Pematuhan terhadap syarat penilaian penyewaan	6	BPH	2024

Bil	Inisiatif	aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
		Pemantauan perjalanan pemantauan berkala premis	6	BPH	2024
		Pemantauan tindakan aduan berkala	6	BPP	2025
		Pemantauan prestasi penggunaan aset yang dibeli	5,6	BPH	2026
2	Peningkatan kecekapan pengurusan projek	Latihan pelaksanaan kajian pasaran berkesan	3	BPE/BPSM	2026
		Latihan terhadap penilaian dan pemilihan projek	3	BPE/BPSM	2026

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

STRATEGI 2.2 : MEMANTAPKAN PENGURUSAN PROJEK DI MASJID DAN SURAU

Objektif 2.2.1 : Meningkatkan kecekapan dan amalan profesionalisme pengurusan projek yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Masjid, Jawatankuasa Surau dan Jawatankuasa Penaja Pembangunan Masjid atau Surau yang dilantik oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Penggubalan dasar dan SOP pengurusan projek masjid dan surau	Penggubalan SOP Pengurusan Projek meliputi pengurusan dan pemantauan	1	BPM JAIS	2025
		Penggubalan syarat Keperluan Semakan Juruaudit	2,5	BPM JAIS	2024
		Penggubalan dasar latihan terhadap Pengurusan pembinaan masjid dan surau	1	BPM JAIS	2025
2	Memperkasa peraturan pembinaan dan baikpulih masjid dan surau	Penambahbaikan Garis Panduan Pembinaan/Penambahbaikan Masjid Dan Surau	3	BPM JAIS/SAI	2025
3	Latihan pengurusan projek masjid dan surau yang berkesan	Latihan pengurusan projek	2,5	BPM JAIS/SAI	2026
		Hebahan garis panduan pembinaan masjid dan surau	3	BPM JAIS	2026
		Penguatkuasaan kepatuhan peraturan masjid dan surau	5,6	BPM JAIS/SAI	2024

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN PEROLEHAN

STRATEGI 3.1 : MEMPERTINGKAT KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN MAIS

Objektif 3.1.1 : Memperkukuhkan pengurusan perolehan yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Selangor selaras dengan tadbir urus terbaik dan mempunyai nilai integriti yang tinggi.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Penggubalan dasar berkaitan pengurusan perolehan MAIS yang lebih efektif	Pelaksanaan pemusatan perolehan secara berperingkat	5,6	BBP	2026
		Menetapkan Panduan perolehan secara usahasama	1,5	BBP/BPE/BPAR/BHB	2026
		Menambahbaik SOP taklimat kepada pegawai dan pegawai keselamatan terhadap peraturan kemasukan barang di pusat/Baitul	5	Pusat/Baitul	2024
2	Memperkasa dasar pengurusan perolehan sedia ada MAIS	Semakan semula dasar pemberian perolehan kepada anak syarikat	1,5	BBP/BPP	2025
		Menambahbaik SOP dengan masukkan keperluan pemeriksaan mengejut ke dalam asrama di Pusat/Baitul	5	Pusat/Baitul	2025
		Penetapan format kajian kepuasan pelanggan perolehan	4,5	BBP	2025

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

Objektif 3.1.2 : Meningkatkan ketelusan pengurusan perolehan di Majlis Agama Islam Selangor dengan melaksanakan pemantauan dan latihan yang berkesan dan efektif.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Meningkatkan kepatuhan terhadap peraturan perolehan MAIS berkuatkuasa	Pematuhan proses pelantikan pembekal latihan	5,6	SAI/BPSM	2024
		Pemantauan pematuhan keperluan taklimat peraturan secara berkala di Baitul	5	Pusat/Baitul	2025

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
		Pematuhan prosedur dan senarai semak perolehan	5	BBP	2026
2	Meningkatkan kecekapan modal insan dalam pengurusan perolehan MAIS	Taklimat prosedur perolehan MAIS	3	BBP/BPSM	2025

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

STRATEGI 3.2 : MEMPERTINGKAT KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN BADAN YANG MENJALANKAN FUNGSI MAIS

Objektif 3.2.1 : Memperkukuhkan kerangka dan keberkesanan perolehan yang dilaksanakan oleh pihak Jawatankuasa Masjid dan Surau di Negeri Selangor.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Penggubalan dasar perolehan di masjid dan surau yang efektif	Mengubal Garis Panduan Perolehan Masjid Dan Surau	1,2	BPM JAIS/SAI	2024
		Mengubal Garis Panduan Kewangan Jawatankuasa Penaja Pembinaan masjid dan surau	1,2	BPM JAIS/SAI	2025
		Mengubal Tatacara Perolehan Dan Pengurusan Aset Masjid dan surau	1,2	BPM JAIS/SAI	2025
2	Pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan	Tindakan tegas kepada jawatankuasa yang melanggar peraturan masjid dan surau	6	BPM JAIS/SAI	20234

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

Objektif 3.2.2 : Memperkukuhkan kerangka dan keberkesanan perolehan yang dilaksanakan oleh Sekolah Agama Islam Swasta di Negeri Selangor.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Penggubalan dasar pengurusan	Arahan supaya jemaah pengurusan mengambil langkah	4	BPI JAIS	2024

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
	perolehan sekolah agama Islam yang efektif	proaktif bagi menangani isu integriti			
		Menggubal panduan pengurusan perolehan bagi Sekolah Agama Islam Swasta	3	BPI JAIS/SAI	2025
2	Memperkasa tadbir urus pengurusan projek sekolah	Semakan pengurusan projek di Sekolah Agama Islam Swasta	6	BPI JAIS	2025
		Semakan semula kawalan terhadap perolehan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG)	5,6	BPI JAIS	2026
3	Pemantapan pengurusan perolehan di sekolah	Latihan pengurusan perolehan kepada Sekolah Agama Islam Swasta	1,2	BPI JAIS	2025
		Hebahan dasar pemberian maklumat	3	BPI JAIS	2024
		Hebahan dasar penerimaan hadiah	3	BPI JAIS	2024

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN SUMBANGAN DAN AGIHAN

STRATEGI 4.1 : MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN SUMBANGAN DAN AGIHAN

Objektif 4.1 : Memantapkan pengurusan sumbangan dan agihan yang dilaksanakan oleh MAIS selaras dengan kewajipan MAIS untuk membangunkan sosial dan ekonomi umat Islam di Selangor.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Penetapan Dasar Dan Prosedur Agihan MAIS Yang Efektif	Penetapan penghantaran laporan prestasi penggunaan duit sumbangan masalah umum	5,6	BKK	2025
		Penetapan tindakan terhadap ketidakpatuhan penggunaan duit sumbangan masalah umum	6	BKK	2025

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
		kerjasama antara agensi Hal Ehwal Agama Islam dalam pengesanan, pengesahan dan pengagihan Fidyah	1,2	BPM	2024
		Semakan semula medium pelaporan pengagihan Fidyah	2,5	BPM	2024
2	Pemantapan prosedur sumbangan dan agihan sedia ada	Pengemaskinian SOP Mengagihan Fidyah	2,5	BPM	2024

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

STRATEGI 4.2 : PEMANTAUAN SUMBANGAN DAN AGIHAN YANG CEKAP

Objektif 4.2 : Memastikan pemantauan terhadap aktiviti sumbangan dan agihan dapat dilaksanakan dengan cekap dan mencapai golongan sasaran.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Pemantauan sumbangan dan agihan yang berkesan	Pematuhan terhadap prosedur sumbangan masalah umum	5,6	BKK	2026
		Pemantauan pelaksanaan tugas lembaga pelawat di Baitul	5	Pusat/Baitul	2025
		Penilaian keberkesanan pemulihan asnaf Ar-Riqab	4,5	BPAR	2026
2	Pengukuhan dan latihan kepada pegawai dan pihak berkepentingan	Taklimat kepada Lembaga Pelawat di Baitul	2,5	Pusat/Baitul	2024
		Taklimat prosedur pengurusan Fidyah kepada pegawai dan pihak berkepentingan	2,5	BPM	2024

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

STRATEGI 4.3 : KEBERKESANAN PERBELANJAAN MASJID DAN SURAU

Objektif 4.3 : Memperkukuhkan pengurusan pentadbiran masjid dan surau terutama dari segi perbelanjaan supaya perjalanan masjid dan surau menepati konsep penubuhan masjid dan surau sebagai pusat ibadah dan perkembangan sosial umat Islam.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Penggubalan kawalan sumbangan dan agihan yang efektif di masjid	Menggubal dasar latihan pengurusan kewangan masjid dan surau	5,6	BPM JAIS /SAI	2024
		Penggubalan dasar penentuan tahap keberhutangan yang serius bagi masjid dan surau	1,2,5	BPM JAIS/SAI	2026
		Menggubal SOP pengurusan tindakan tatatertib masjid dan surau	2,6	BPM JAIS/SUU	2025
		Menggubal dasar pengauditan akaun masjid dan surau	2,5	BPM JAIS/SAI	2024
2	Meningkatkan kaedah pematuhan yang berkesan	Pewujudan sistem Pematuhan terhadap penghantaran penyata kewangan masjid dan surau	5,6	BPM JAIS/SAI	2024

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN BAITULMAL

STRATEGI 5.1 : MEMPERKUKUH TADBIR URUS PENGURUSAN BAITULMAL DI MAIS

Objektif 5.1 : Mewujudkan dan memastikan tadbir urus pengurusan Baitulmal di Majlis Agama Islam Selangor dapat dilaksanakan dengan cekap, sistematik dan berintegriti.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Penggubalan dasar dan peraturan pengurusan Baitulmal yang efektif	Menetapkan SOP pengurusan maklumat pelanggan	4	BHB	2024
		Kerjasama dengan penguatkuasa JAIS bagi tindakan terhadap kebenaran kutipan khairat yang telah tamat tempoh	2,6	BHB	2024

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
		Menetapkan syarat keperluan sebab kepada pindaan wasiat	2	BHB	2026
		Penetapan dasar tindakan terhadap organisasi yang tidak menghantar laporan dan memulangkan semula resit setelah tamat tempoh kebenaran kutipan khairat	5,6	BHB	2025
		Penetapan kategori permohonan khairat yang perlu kepada lawatan fizikal bagi tujuan pemantauan	2	BHB	2026
		Penetapan borang kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan penyediaan wasiat dan hibah	4	BHB	2024

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

STRATEGI 5.2 : MENINGKATKAN PEMANTAUAN DAN PENGUKUHAN PENGURUSAN BAITULMAL

Objektif 5.2 : Pemantauan terhadap semua aktiviti dan perkhidmatan Baitulmal dapat dipastikan berjalan dengan lancar, mematuhi undang-undang dan peraturan berkuatkuasa serta mencapai objektif dan kumpulan sasar yang ditetapkan.

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Pemeriksaan pemantauan pengurusan Baitulmal yang berkesan dan efisien	Semakan tahap keberhutangan yang serius pegawai Baitulmal	5,6	SAI/BPSM	2025
		Semakan terhadap Audit Trail sistem e-wasiat	5,6	BHB	2024
		Pematuhan terhadap SOP permohonan pungutan khairat	5,6	SAI/ BHB	2026
		Semakan terhadap kebenaran yang telah	2,5	BHB	2024

Bil	Inisiatif	Aktiviti	TOR*	Tanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
		tamat tempoh bagi pungutan khairat			
		Pematuhan terhadap prosedur penebusan dan penjualan harta faraid	5	SB	2026
		Pemantauan kebenaran kerja luar yang dilaksanakan oleh pegawai Baitulmal	5,6	SAI/ BDP	2024
2	Pengukuhan latihan dan pemahaman integriti dalam pengurusan Baitulmal	Latihan Integriti kepada pegawai yang mengurus perkhidmatan Baitulmal	3,5	SKP/SAI	2025
		Mewar-warkan kriteria kebenaran kutipan khairat yang dikeluarkan oleh MAIS	2	BHB	2024

* Merujuk kepada terma rujukan di Muka surat 27

BAB 4: TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH MAIS (PARMAIS)

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) komited untuk menjalankan fungsi dan aktiviti Hal Ehwal Islam di Negeri Selangor secara beretika dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berlaku di setiap bidang kuasa yang dikendalikan oleh MAIS.

Setiap Anggota MAIS, Ahli Jawatankuasa, Pegawai MAIS dan individu yang menjalankan fungsi MAIS termasuk mana-mana ejen, individu atau entiti yang terlibat di bawah kontrak perkhidmatan MAIS sama ada secara langsung dan tidak langsung harus menjaga nilai-nilai integriti, kejujuran dan profesionalisme pada tahap tertinggi sepanjang masa menjalankan tugas / penglibatannya bersama MAIS atau ketika mewakili MAIS dalam apa jua urusan.

Secara asasnya, MAIS komited sepenuhnya untuk:

- a. Menggunakan pendekatan toleransi sifar terhadap segala bentuk rasuah.
- b. Mewujudkan modal insan dengan nilai etika dan integriti yang tinggi.
- c. Bertindak dengan adil, beretika dan jujur dengan semua pekerja dan rakan perniagaan kami.
- d. Menegakkan semua undang-undang yang berkaitan.

Penilaian dalam pelaksanaan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) adalah penting bagi memantau dan memastikan pelaksanaan yang dilakukan oleh setiap bahagian, jabatan, agensi dan anak syarikat yang terlibat selaras dengan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) yang telah dibangunkan oleh MAIS.

Perkara ini juga adalah penting sebagai satu langkah yang berkesan untuk menghadapi cabaran pengurusan integriti dan menambahbaik pelaksanaan inisiatif yang telah ditetapkan di bawah Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) seterusnya memastikan pelaksanaan pentadbiran hal ehwal Islam di Negeri Selangor bebas dari unsur-unsur rasuah.

MAIS menetapkan rangkaian langkah-langkah untuk membantu MAIS mencegah, mengesan dan menyelesaikan insiden yang melibatkan rasuah.

Empat kategori utama yang ditetapkan meliputi:

a. Tadbir urus dan kepimpinan

Tadbir urus yang ditetapkan melibatkan komitmen dan tanggungjawab Mesyuarat MAIS, Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus, Mesyuarat Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan dan Jawatankuasa Audit sebagai badan tertinggi memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS).

Perkara ini menunjukkan komitmen dan sokongan dengan menyampaikan mesej yang jelas, bertindak dengan penuh integriti dan memimpin dengan teladan.

b. Pengukuhan integriti

Budaya MAIS yang menghasilkan standard etika dan integriti yang tinggi.

c. Kawalan dalaman

Kawalan dan langkah yang sesuai, munasabah dan berkadar risiko atau isu rasuah dan penyelewengan.

d. Pengurusan anti rasuah & penyelewengan

Integriti adalah komponen organisasi yang bersepadu dan mampan.

4.1. Mekanisme Pelaksanaan Dan Pemantauan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS)

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sentiasa memastikan pelaksanaan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) yang telah diwujudkan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi mencegah berlakunya insiden rasuah di dalam pentadbiran MAIS.

MAIS telah menetapkan struktur tadbir urus pelaksanaan yang meliputi perkara berikut :

a. Mesyuarat MAIS

Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor bertanggungjawab memastikan prestasi Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan di dalam Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS).

b. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab memastikan dan memantau pelaksanaan, mengkaji semula dan meluluskan pindaan terhadap Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) yang telah diluluskan.

c. Unit Integriti

Unit Integriti merupakan unit yang bertanggungjawab terhadap Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) dan akan mengambil langkah-langkah yang munasabah dan memadai untuk memastikan pelaksanaan Pelan Antirasuah di seluruh MAIS dan pihak yang berkaitan. Perkara ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- i. Memantau pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS).
- ii. Memberi nasihat, panduan dan berkomunikasi kepada Anggota MAIS, Ahli Jawatankuasa/ Sektor MAIS / Jabatan Hal Ehwal Islam/ Agensi / Anak Syarikat / individu mengenai Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) dan isu-isu yang berkaitan dengan rasuah.
- iii. Melaporkan prestasi pelaksanaan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) kepada Jawatankuasa Audit atau mana-mana jawatankuasa atau mesyuarat yang berkaitan, dan;
- iv. Kemas kini Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) untuk mencerminkan perubahan baru yang relevan apabila perlu.
- v. Mengenalpasti risiko rasuah yang mungkin berlaku di MAIS.
- vi. Membantu pemantauan pelaksanaan kawalan terhadap risiko rasuah dan penyelewengan.
- vii. Mengadakan mesyuarat Kumpulan Integriti MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam, Agensi dan Anak Syarikat MAIS.


d. Bahagian Risiko dan Pematuhan

- i. Melaksanakan Pengurusan Risiko Rasuah di MAIS.
- ii. Melaporkan insiden rasuah yang ditemui semasa pemantauan risiko rasuah

kepada Unit Integriti.

- iii. Melaporkan laporan risiko rasuah di Mesyuarat Jawatankuasa Risiko atau mesyuarat yang berkaitan.

Struktur Pelaksanaan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) adalah seperti berikut :



4.2. Penilaian Dan Pembaharuan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS)

Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) dilaksana setahun sekali bagi memastikan strategi dan inisiatif yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul.

Penilaian Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Audit bagi mendapatkan pandangan dan meluluskan penambahbaikan yang akan dicadangkan sekiranya ada.

BAB 5 : RUMUSAN DAN PENGHARGAAN

5.1. Rumusan

Melihat kepada ketegasan Kerajaan Malaysia dalam memerangi rasuah di dalam negara, MAIS sebagai pihak berkuasa utama pentadbiran agama Islam di Negeri Selangor akan sentiasa berusaha menyahut seruan dan mengambil berat komitmen yang telah dinyatakan oleh kerajaan dengan memberi sokongan penuh kepada semua usaha pengukuhan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

Pembangunan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) merupakan komitmen tinggi MAIS dalam menyokong dasar antirasuah yang telah diperkenalkan oleh kerajaan. Intipati pelan ini mengandungi tindakan yang perlu dilaksanakan bagi menyahut dasar kerajaan dalam usaha memerangi gejala rasuah khususnya bagi institusi agama Islam di Selangor.

Justeru itu, pembangunan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) ini bagi tempoh 3 tahun diharap dapat memastikan tadbir urus dan pengurusan rasuah di institusi agama Islam berada di tahap yang sangat baik.

Pelaksanaan semua inisiatif dan aktiviti yang telah digariskan di dalam pelan ini akan dipantau dan dinilai dalam memastikan setiap inisiatif dan aktiviti tersebut berjaya dan mencapai matlamat iaitu mengekang, membendung dan menutup ruang dan peluang gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa, tuntutan palsu dan penyelewengan. MAIS bersedia untuk menerima sebarang maklum balas, pandangan dan nasihat bagi sebarang penambahbaikan daripada semua pihak dalam melaksanakan Pelan Antirasuah MAIS (PARMAIS) agar matlamat penggubalan pelan ini dapat dicapai. Kejayaan pelaksanaan semua inisiatif PARMAIS dalam tempoh tiga tahun akan datang diyakini akan memberi impak positif yang sangat besar dalam aspek pengukuhan tadbir urus, integriti dan antirasuah MAIS. Seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan reputasi dan prestasi MAIS.

5.2. Penghargaan

Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak seperti di bawah yang telah membantu memberikan input, analisis, kerjasama dan sokongan yang padu:

1. YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof
Pengerusi MAIS
2. Dr. Haji Ahmad Shahir Bin Makhtar
Setiausaha MAIS
3. Pengurusan Tertinggi MAIS
4. Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor
5. Agensi dan Anak Syarikat MAIS
6. Ketua-ketua Bahagian MAIS
7. Pegawai-pegawai MAIS

-RUANGAN INI DIBIARKAN KOSONG-

